



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

NEGERI PERLIS

TAHUN 2009

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 **NEGERI PERLIS**


DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI
NEGERI PERLIS
TAHUN 2009

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xiii
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Kaedah Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Prestasi Kewangan	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Wang Tunai	8
Pelaburan	9
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	15
Akaun Amanah Disatukan	15
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	21
Penyata Akaun Memorandum	22
Rumusan Dan Syor Audit	27
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9)	31
Rumusan	33
BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti (AI)	37
Objektif Pengauditan	38
Skop Dan Kaedah Pengauditan	38
Jenis Kawalan	39
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri	49
Rumusan Dan Syor Audit	50

**BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI**

Pendahuluan	55
Pengauditan Penyata Kewangan	55
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	55
Persijilan Penyata Kewangan	56
Pembentangan Penyata Kewangan	58
Prestasi Kewangan	58
Rumusan Dan Syor Audit	60

**BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	65
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	65

PENUTUP	69
----------------	----

LAMPIRAN

I	Sijil Ketua Audit Negara	73
II	Lembaran Imbangan	74
III	Penyata Akaun Memorandum	75
IV	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	76
V	Penyata Akaun Hasil Disatukan	77
VI	Nota Kepada Akaun Awam	78



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis menitahkan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan dua kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Selain menentukan gambaran kedudukan benar dan saksama terhadap kedudukan penyata kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah menilai secara objektif terhadap prestasi penyata kewangan Kerajaan Negeri sama ada pada kedudukan sangat baik, baik, memuaskan atau tidak memuaskan.

1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi - Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan. Jabatan memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) untuk menanda aras prestasi pengurusan kewangan jabatan/agensi secara objektif dan telus bagi mengukur dan menambah baik ke arah pengurusan kewangan yang cemerlang. AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit dan aset. Pelaksanaan AI boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “**membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul**” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan jabatan/agensi malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Tahun 2009 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2009. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2009, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 2,723 Baucar Bayaran bernilai RM109.52 juta, 376 Penyata Pemungut bernilai RM236.79 juta dan 119 Baucar Jurnal bernilai RM72.95 juta. Pada masa yang sama pengurusan kewangan telah dijalankan di 12 Jabatan/Agensi Negeri.

3. Laporan ini disediakan dalam enam Bahagian seperti berikut:


- | | |
|---------------------|---|
| BAHAGIAN I | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009 |
| BAHAGIAN II | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN III | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN IV | - Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri |
| BAHAGIAN V | - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri |
| BAHAGIAN VI | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri |

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat.

5. Pada pendapat saya, pencapaian kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Perlis boleh ditingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai lima perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan oleh penjawat awam untuk menjalankan tugas mereka. Penjawat awam pula perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b) **INTEREST** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat, dedikasi dan tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **KNOWLEDGE** – Setiap penjawat awam mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** – Setiap penjawat awam melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.
- e) **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

22 Jun 2010



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan adalah mencukupi untuk mengesahkan semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis tersebut telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2009 adalah memuaskan. Kerajaan Negeri mencatatkan defisit bagi Akaun Hasil Disatukan buat tahun ketiga berturut-turut yang berjumlah RM134.35 juta pada tahun 2009. Kecairan tunai menunjukkan wang tunai dan pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM33.92 juta tidak mampu menampung tanggungan semasanya yang berjumlah RM188.99 juta. Bagaimanapun kutipan hasil pada tahun 2009 meningkat sejumlah RM18.50 juta atau 23.9% kepada RM95.94 juta manakala perbelanjaan pula meningkat sejumlah RM6.42 juta atau 7.1% kepada RM96.54 juta. Hutang Awam Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM78.84 juta atau 24.1% menjadi RM406.48 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM64.23 juta atau 79.3% menjadi RM145.22 juta berbanding RM80.99 juta pada tahun 2008. Tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2009 berjumlah RM25.73 juta, manakala tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Negeri berjumlah RM68.10 juta. Kerajaan Negeri hendaklah berusaha mengutip tunggakan hasil berjumlah RM25.73 juta dan mengambil tindakan lebih tegas menuntut tunggakan pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis yang berjumlah RM68.10 juta. Hutang Awam Kerajaan Negeri yang berjumlah RM406.48 juta hendaklah dibayar balik mengikut jumlah dan tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM145.22 juta tidak terus meningkat. Selain itu, Kerajaan Negeri perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan sumbangannya kepada rakyat.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Sebanyak 283 projek telah diluluskan pada tahun 2009 di bawah RMKe-9 untuk dilaksanakan oleh enam Jabatan. Pada keseluruhannya, sebanyak 130 projek atau 45.9% projek telah siap dilaksanakan, manakala 45 projek dalam pelaksanaan dan 108 projek masih belum mula. Sejumlah RM107.06 juta atau 82.8% daripada RM129.36 juta yang diperuntukkan pada tahun 2009 telah dibelanjakan oleh enam Jabatan berkenaan.

Sehingga 31 Disember 2009, sejumlah RM372.68 juta atau 22.4% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan di bawah RMKe-9 berjumlah RM1,665.43 juta telah dibelanjakan.

BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Pada tahun 2009, pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti telah dilaksanakan di 12 Jabatan/Agensi Negeri. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan di lapan Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap baik, manakala empat Agensi Negeri lain pada tahap memuaskan. Pencapaian ini adalah bertambah baik jika dibandingkan pada tahun 2008 di mana hanya lima Jabatan mencapai tahap baik. Bagaimanapun, tiada Jabatan/Agensi yang berjaya mencapai tahap sangat baik. Kelemahan yang dibangkitkan adalah berhubung dengan kawalan pengurusan, pengurusan akaun amanah, pengurusan aset serta inventori dan stor.

BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Pada tahun 2009, penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri Perlis adalah baik. Sehingga bulan Mei 2010, semua Badan Berkanun Negeri, Kumpulan Wang, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah memberikan komitmen yang baik dengan mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2008 kepada Ketua Audit Negara untuk tujuan pengauditan, kecuali Perbadanan Menteri Besar. Sehingga 31 Mei 2010, sebanyak lima Penyata Kewangan tahun 2009 bagi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah diterima dan sedang diaudit. Sepanjang tempoh tersebut, 11 Penyata Kewangan Agensi Negeri telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara melibatkan lima Sijil Tanpa Teguran dan enam Sijil Berteguran. Sebanyak 16 Penyata Kewangan yang tertunggak bagi empat Agensi Negeri telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Bagi tempoh tersebut juga, enam Penyata Kewangan tahun 2008 Agensi Negeri telah turut dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis.

BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Akaun Agensi Negeri bagi tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 15 Disember 2009. Pada tahun 2009, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Perlis (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak enam kali. Jawatankuasa telah membentangkan Penyata Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 di Dewan Undangan Negeri pada 23 Julai 2009. Laporan Jawatankuasa bagi tahun 2007 pula telah dibentangkan pada 15 Disember 2009. Sehingga 31 Mei 2010, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak sekali dan membincangkan isu berkaitan syarikat subsidiari Agensi Negeri.



BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

KERAJAAN NEGERI PERLIS

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

1. PENDAHULUAN

1.1 Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 kepada Jabatan Audit Negara pada **24 Februari 2010**. Penyerahan Penyata pada tahun ini adalah lebih awal berbanding tahun 2008. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2009 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam.

1.3 Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4 Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2009. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5 Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Wang Deposit Berkanun serta Tunggakan Hasil. Tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

2. OBJEKTIF DAN KAEDAH PENGAUDITAN

2.1 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2009. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan-Jabatan Negeri melalui surat pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

3.1 Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2009 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VI**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. PRESTASI KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2009, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri.

Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun Awam.

4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1 Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2009, Kumpulan Wang Disatukan mengalami penurunan berjumlah RM1.60 juta atau 4.5% kepada RM33.92 juta berbanding RM35.52 juta pada tahun 2008. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Pada Tahun 2009 Berbanding 2008

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(133.75)	(134.35)	(0.60)	(0.4)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	7.00	0.00	(7.00)	(100.0)
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	162.27	168.27	6.00	3.7
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>				
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	23.25	9.82	(13.43)	(57.8)
	• <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	(37.68)	(29.63)	8.05	(21.4)
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	87.44	80.48	(6.96)	(8.0)
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	53.48	71.96	18.48	34.6
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	35.78	35.64	(0.14)	(0.4)
	Jumlah	35.52	33.92	(1.60)	(4.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(117.91)	(111.69)	(121.07)	(133.75)	(134.35)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	7.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	150.77	157.46	157.76	162.27	168.27
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>					
	• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	54.48	48.33	39.77	23.25	9.82
	• <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	(12.23)	(18.20)	(31.36)	(37.68)	(29.63)
	• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	59.05	63.14	75.72	87.44	80.48
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	18.81	34.64	42.24	53.48	71.96
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	30.66	29.55	31.39	35.78	35.64
	Jumlah	32.86	45.77	36.69	35.52	33.92

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.1.3 Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri mengalami penurunan sejumlah RM1.60 juta atau 4.5% iaitu daripada RM35.52 juta pada tahun 2008 menjadi RM33.92 juta pada tahun 2009. Ia merupakan penurunan untuk tahun ketiga berturut-turut. Penurunan ini antara lain disebabkan oleh Kumpulan Wang Pembangunan menurun kepada RM9.82 juta atau 57.8% pada tahun 2009 berbanding RM23.25 juta pada tahun 2008 dan Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar berbanding RM7 juta pada tahun 2008.

4.1.4 Analisis Nisbah Semasa adalah untuk mengukur kedudukan Aset Semasa Kerajaan Negeri dalam membiayai jumlah Tanggungan Semasanya. Sekiranya nisbah yang dihasilkan melebihi daripada 1, ini menunjukkan tanda yang positif dari segi kedudukan kecairan tunai Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa Tahun 2009 Kerajaan Negeri Perlis kurang daripada 1. Aset Semasa yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan berjumlah RM33.92 juta manakala Tanggungan Semasa iaitu Akaun Kena Bayar, Deposit dan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam berjumlah RM188.99 juta. Ini menunjukkan kecairan tunai Kerajaan Negeri adalah rendah untuk menampung jumlah tanggungan semasanya.

4.2 WANG TUNAI

4.2.1 Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan sebagai Aset Kerajaan Negeri yang diakaunkan dalam Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa, manakala Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya, tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan

pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

4.2.2 Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai pada tahun 2009 dan 2008 menunjukkan penurunan sejumlah RM7.60 juta atau 24.1% menjadi RM23.92 juta berbanding RM31.52 juta pada tahun 2008. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Baki Wang Tunai Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	31.12	23.69	(7.43)	(23.9)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.39	0.22	(0.17)	(43.6)
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.01	0.01	0	0
Jumlah		31.52	23.92	(7.60)	(24.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.2.3 Analisis terhadap baki Wang Tunai mendapati penurunan berjumlah RM7.60 juta antara lain disebabkan oleh penambahan pelaburan dalam Simpanan Tetap berjumlah RM6 juta atau 150% menjadi RM10 juta dan peningkatan perbelanjaan mengurus berjumlah RM6.42 juta atau 7.1% menjadi RM96.54 juta pada tahun 2009.

4.2.4 Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan penurunan baki Wang Tunai pada tahun 2007 dan 2009, manakala pada tahun 2006 dan 2008 menunjukkan peningkatan. Baki Wang Tunai bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Butiran	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	4.23	14.39	11.15	31.12	23.69
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.62	0.82	0.48	0.39	0.22
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.01	0.06	0.06	0.01	0.01
Jumlah		4.86	15.27	11.69	31.52	23.92

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis


4.3 PELABURAN

4.3.1 Seksyen 8(3)(b), Akta Acara Kewangan 1957 membenarkan Kerajaan Negeri membuat pelaburan dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan yang diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 serta peraturan lain yang berkuatkuasa. Manakala Pelaburan Am adalah

semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

4.3.2 Analisis perbandingan kedudukan pelaburan pada tahun 2009 dan 2008 menunjukkan peningkatan dalam Simpanan Tetap berjumlah RM6 juta atau 150% menjadi RM10 juta berbanding RM4 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini disebabkan penambahan jumlah hasil yang dikutip pada tahun 2009. Jumlah hasil yang dikutip pada tahun 2009 berjumlah RM95.94 juta berbanding RM77.44 juta pada tahun 2008.

4.3.3 Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan peningkatan pelaburan dalam Simpanan Tetap pada tahun 2006 dan 2009 berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun, keadaan berubah pada tahun 2007 dan 2008, di mana jumlah pelaburan dalam Simpanan Tetap menunjukkan trend menurun kedudukan baki Pelaburan Am bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 4.1** di mana, pelaburan tahun 2008 adalah rendah berbanding lima tahun kebelakangan.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Acara Kewangan 1957.

4.4.1 Hasil

Kerajaan Negeri memungut tiga jenis hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009 berjumlah RM95.94 juta, meningkat sejumlah RM18.50 juta atau 23.9% berbanding RM77.44 juta pada tahun 2008 dan ditunjukkan seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Pada Tahun 2009 Berbanding 2008

Bil.	Kategori	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	%
1.	Hasil Cukai	11.60	12.05	0.45	3.9
2.	Hasil Bukan Cukai	30.76	39.09	8.33	27.1
3.	Terimaan Bukan Hasil	35.08	44.80	9.72	27.7
Jumlah		77.44	95.94	18.50	23.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Analisis perbandingan kutipan hasil bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan penurunan kutipan hasil pada tahun 2006 dan 2007 berbanding peningkatan hasil pada tahun 2008 dan 2009. Kedudukan kutipan hasil bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.6** di mana kutipan tahun 2009 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

Jadual 4.6
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Kategori	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	11.32	10.14	10.52	11.60	12.05
2.	Hasil Bukan Cukai	31.68	30.43	31.82	30.76	39.09
3.	Terimaan Bukan Hasil	42.68	38.74	25.17	35.08	44.80
Jumlah		85.68	79.31	67.51	77.44	95.94

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Analisis Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

- a) Pada tahun 2009, lima butiran hasil yang mencatat peningkatan ketara berbanding pada tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Peningkatan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2009 Berbanding 2008

Bil.	Butiran Hasil	Tahun		Peningkatan		Punca
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian Berdasarkan Kekurangan Hasil	0.00	17.25	17.25	100	Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan kerana Akaun Hasil Disatukan Tahun 2008 mengalami Defisit
2.	Premium Tanah Yang Lain	3.25	7.88	4.63	142.5	Peningkatan Bayaran Permohonan Hak Milik Tanah
3.	Permit Tanah Dan Galian	4.56	5.94	1.38	30.3	Peningkatan Permohonan Permit Tanah
4.	Cukai Tanah Dan Tunggakan	0.00	1.27	1.27	100	Pengurangan Peratusan Denda Cukai Tanah
5.	Premium Tukar Syarat	0.75	1.43	0.68	90.7	Pertambahan Projek Perumahan
Jumlah		8.56	33.77	25.21	294.5	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

- b) Pada tahun 2009, hasil Cukai Tanah Semasa menunjukkan penurunan sejumlah RM0.90 juta atau 10.3% menjadi RM7.83 juta berbanding RM8.73 juta pada tahun 2008. Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan Pelaburan pula telah menurun sejumlah RM0.80 juta atau 74.1% menjadi RM0.28 juta pada tahun 2009 berbanding RM1.08 juta pada tahun 2008. Penurunan disebabkan Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang pembayaran dividen daripada Menteri Besar Diperbadankan (MBI) pada tahun semasa berbanding RM0.43 juta pada tahun 2008 selain penurunan dalam terimaan keuntungan daripada simpanan tetap dan simpanan semasa bank berjumlah RM0.37 juta menjadi RM0.23 juta.
- c) Analisis perbandingan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan peningkatan berterusan kutipan hasil untuk tiga jenis hasil utama iaitu Jualan Air, Pemberian Hitung Kepala dan Permit Tanah Dan Galian. Hasil Premium Tanah Yang Lain mengalami peningkatan melebihi dua kali ganda iaitu dari RM3.25 juta pada tahun 2008 menjadi RM7.88 juta pada tahun 2009. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Punca Hasil	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Jualan Air	12.72	12.49	13.11	13.80	14.41
2.	Pemberian Hitung Kepala	8.35	8.37	8.39	8.41	8.43
3.	Premium Tanah Yang Lain	4.22	6.41	3.90	3.25	7.88
4.	Cukai Tanah Semasa	8.29	7.49	7.67	8.73	7.83
5.	Permit Tanah Dan Galian	7.85	4.81	4.80	4.56	5.94
Jumlah		41.43	39.57	37.87	38.75	44.49

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang digunakan untuk membiayai Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Bagi Perbelanjaan Tanggungan, perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan adalah seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang awam. Manakala Perbelanjaan Perbekalan adalah untuk membiayai aktiviti dan pengurusan harian Kerajaan Negeri. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM6.42 juta atau 7.1% iaitu dari RM90.12 juta pada tahun 2008 menjadi RM96.54 juta pada tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

Jadual 4.9
Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	27.93	31.04	3.11	11.1
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	34.37	35.26	0.89	2.6
3.	Aset	2.08	3.63	1.55	74.5
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	25.41	26.19	0.78	3.1
5.	Perbelanjaan Lain	0.33	0.42	0.09	27.3
Jumlah		90.12	96.54	6.42	7.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Peningkatan dan penurunan Perbelanjaan Mengurus yang ketara pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.10
Peningkatan/Penurunan Ketara Perbelanjaan Pada Tahun 2009 Berbanding 2008

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)		Punca
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Perkhidmatan Dan Bekalan - Perhubungan Dan Utiliti	9.45	13.06	3.61	38.2	Menyelesaikan tunggakan utiliti sejak tahun 1997
2.	Emolumen - Gaji dan Upah	19.90	22.44	2.54	12.8	Pemberian Bantuan Khas
3.	Aset - Harta Modal	0.90	2.90	2.00	222.2	Pertambahan pembelian aset alih
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap - Ganjaran	1.73	0.05	(1.68)	(97.1)	Peruntukan ganjaran dikurangkan
5.	Emolumen - Faedah Kewangan Yang Lain	1.88	0.70	(1.18)	(62.8)	Peruntukan faedah kewangan yang lain dikurangkan
Jumlah		33.86	39.15	5.29	15.6	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis


Analisis perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan peningkatan perbelanjaan mengurus pada setiap tahun. Kedudukan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.2** di mana perbelanjaan tahun 2009 adalah tertinggi berbanding lima tahun kebelakangannya.

Jadual 4.11
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Emolumen	22.76	23.16	24.36	27.93	31.04
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	26.14	26.37	29.27	34.37	35.26
3.	Aset	1.55	0.56	1.14	2.08	3.63
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	37.12	22.71	21.81	25.41	26.19
5.	Perbelanjaan Lain	0.50	0.29	0.31	0.33	0.42
Jumlah		88.07	73.09	76.89	90.12	96.54

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Carta 4.2
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.4.3 Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

Analisis terhadap prestasi kewangan Akaun Hasil Disatukan mengambil kira perbandingan antara hasil dengan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur lebihan atau defisit bagi Akaun Hasil Disatukan. Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri mencatat defisit berjumlah RM0.60 juta pada tahun 2009 berbanding RM12.68 juta pada tahun 2008 seperti di **Jadual 4.12**. Penurunan jumlah defisit ini disebabkan pertambahan hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM18.50 juta atau 23.9% pada tahun 2009.

Jadual 4.12
Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Kategori	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	%
1.	Hasil	77.44	95.94	18.50	23.9
2.	Perbelanjaan Mengurus	90.12	96.54	6.42	7.1
Lebihan / (Defisit)		(12.68)	(0.60)	(12.08)	(95.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Analisis perbandingan lebihan/defisit pendapatan bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan defisit pendapatan pada tahun 2005, 2007, 2008 dan 2009 manakala lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan pada tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

Jadual 4.13
Prestasi Hasil Berbanding Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Perkara	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Hasil	85.68	79.31	67.51	77.44	95.94
2.	Perbelanjaan Mengurus	88.07	73.09	76.89	90.12	96.54
Lebihan / (Defisit)		(2.39)	6.22	(9.38)	(12.68)	(0.60)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Acara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan.

Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri menerima pinjaman untuk projek Bekalan Air berjumlah RM38.37 juta. Pinjaman tersebut diakaunkan ke dalam Akaun Pinjaman Disatukan dan dipindahkan ke akaun Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air mengikut Piawaian Perakaunan Kerajaan Bil. 5. Pinjaman yang diterima pada tahun 2008 untuk membiayai bayaran balik pinjaman bank Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) berjumlah RM7 juta telah disalurkan kepada PKENPs pada tahun semasa. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Akaun Pinjaman Disatukan Pada Tahun 2008 Dan 2009

Butiran	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	7.00	7.00	-
Terimaan	93.26	38.37	(54.89)	(58.9)
Bayaran	86.26	45.37	(40.89)	(47.4)
Baki Pada 31 Disember	7.00	0.00	(7.00)	(100.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15
Kedudukan Baki Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Pinjaman Badan Berkanun	0.00	0.00	0.00	7.00	0.00
2.	Pinjaman Bekalan Air	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	Jumlah	0.00	0.00	0.00	7.00	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Acara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada tiga kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Akaun ini menguruskan semua wang yang diterima dan dibelanjakan mengikut terma amanah tersebut. Pada akhir tahun 2009, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM168.27 juta berbanding RM162.27 juta pada tahun 2008, peningkatan sejumlah RM6 juta atau 3.7%.

4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan. Pembayaran dari kumpulan wang ini tidak dibenarkan melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

a) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil, terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Pinjaman. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut. Penerimaan kumpulan wang ini pada tahun 2009 berjumlah RM47.11 juta adalah terdiri daripada caruman Pemberian Pertambahan Hasil berjumlah RM12.57 juta, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM26.19 juta dan bayaran serta ansuran bulanan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM8.35 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2009 berjumlah RM60.54 juta berbanding RM51.34 juta pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan sejumlah RM9.20 juta atau 17.9%. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2008 berjumlah RM23.25 juta, menurun menjadi RM9.82 juta pada tahun 2009 disebabkan defisit perbelanjaan berjumlah RM13.43 juta atau 57.8% berbanding jumlah terimaan. Perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2009 berbanding 2008 adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Baki Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2008 Dan 2009

Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	39.77	23.25	(16.52)	(41.5)
Penerimaan	34.82	47.11	12.29	35.3
Perbelanjaan	51.34	60.54	9.20	17.9
Lebihan/(Defisit)	(16.52)	(13.43)	(3.09)	(18.7)
Baki Pada 31 Disember	23.25	9.82	(13.43)	(57.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Pada tahun 2009, empat Jabatan mengalami peningkatan perbelanjaan pembangunan iaitu Jabatan Kerja Raya berjumlah RM7.23 juta, Pejabat Setiausaha Kerajaan berjumlah RM1.57 juta, Jabatan Pertanian berjumlah RM0.38 juta dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjumlah RM0.32 juta. Peningkatan jumlah perbelanjaan ini disebabkan kejayaan Jabatan melaksanakan projek pembangunannya. Jabatan Kerja Raya telah membelanjakan sejumlah RM6 juta bagi kerja pembinaan Jalan Kampung Bakau - Simpang Tiga, manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan telah menambah peruntukan pada tahun 2009 bagi Projek Rancangan Perumahan Kos Rendah Wang Kelian berjumlah RM1.45 juta. Dua Jabatan pula mengalami penurunan perbelanjaan pembangunan berbanding tahun 2008 iaitu Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan

Perhutanan dengan perbelanjaan berjumlah RM12.23 juta dan RM4.87 juta. Antara sebab penurunan perbelanjaan adalah kerana terdapat projek belum dilaksanakan dan dalam perancangan. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut Jabatan pada tahun 2009 berbanding 2008 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

Jadual 4.17
Perbelanjaan Pembangunan Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	
1.	Jabatan Kerja Raya	8.83	16.06	7.23
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	14.21	15.78	1.57
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	12.42	12.23	(0.19)
4.	Jabatan Pertanian	6.12	6.50	0.38
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4.78	5.10	0.32
6.	Jabatan Perhutanan	4.98	4.87	(0.11)
Jumlah		51.34	60.54	9.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

b) Kumpulan Wang Luar Jangka

Perkara 103, Perlembagaan Persekutuan membenarkan Kumpulan Wang Luar Jangka diwujudkan bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar jangka. Pada 31 Disember 2009, baki Kumpulan Wang Luar Jangka berjumlah RM0.50 juta bersamaan dengan baki akhir tahun 2008. Peruntukan Kumpulan Wang ini tidak digunakan kerana tiada perbelanjaan luar jangka dibuat pada tahun 2009.

c) Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar (AKB) adalah bayaran yang dilakukan pada bulan Januari tahun baru bagi bekalan dan perkhidmatan yang dilakukan pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa dan bayaran dikenakan dalam peruntukan akaun tahun tersebut. Pada tahun 2009, perbelanjaan di bawah AKB berjumlah RM24.80 juta berbanding RM29.29 juta pada tahun 2008, penurunan sejumlah RM4.49 juta atau 15.3%. Penurunan ketara AKB adalah di Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) iaitu sejumlah RM12.41 juta atau 91% dan Jabatan Pertanian sejumlah RM1.81 juta atau 50.1%. Penurunan tersebut disebabkan Jabatan berjaya menyelesaikan pembayaran sebelum berakhirnya tahun semasa.

Peningkatan ketara AKB pula adalah di Perbendaharaan Negeri iaitu sejumlah RM4.33 juta atau 43,300% dan Jabatan Kerja Raya sejumlah RM4.33 juta atau 100.2%. Peningkatan AKB di Perbendaharaan Negeri disebabkan pelarasan terhadap sejumlah 234 keping cek yang telah ditunaikan tetapi tidak diambil kira dalam Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) berjumlah RM1.31 juta dan pembetulan terhadap terimaan wang yang tersalah diakaunkan berjumlah RM3 juta. Peningkatan AKB di Jabatan Kerja Raya pula disebabkan pembayaran pampasan pengambilan balik tanah yang dibuat pada akhir tahun 2009. Senarai Jabatan yang mencatatkan peningkatan/penurunan perbelanjaan AKB yang ketara pada tahun 2009 berbanding 2008 adalah seperti di **Jadual 4.18**.


Jadual 4.18
Perbelanjaan Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2008 Dan 2009

Bil.	Jabatan	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	4.32	8.65	4.33	100.2
2.	Perbendaharaan Negeri	0.01	4.34	4.33	43,300
3.	Setiausaha Kerajaan Negeri	3.62	2.83	(0.79)	(21.8)
4.	Jabatan Perhutanan	1.83	2.43	0.60	32.8
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	1.25	1.95	0.70	56.0
6.	Jabatan Pertanian	3.61	1.80	(1.81)	(50.1)
7.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	13.63	1.22	(12.41)	(91.0)
8.	Pejabat DYMM	0.25	0.74	0.49	196.0
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.44	0.63	0.19	43.2
10.	Lain-lain Jabatan	0.33	0.21	(0.12)	(36.4)
Jumlah		29.29	24.80	(4.49)	(15.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Analisis perbandingan AKB bagi tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan bagi tahun 2005 hingga 2008 manakala menurun pada tahun 2009 seperti yang ditunjukkan di **Carta 4.3**.

Carta 4.3
Kedudukan Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2005 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Analisis perbandingan antara jumlah perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2009 berbanding perbelanjaan AKB pada tahun 2009 mendapati perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM6.42 juta atau 7.1% kepada RM96.54 juta, manakala AKB telah menurun sejumlah RM4.49 juta atau 15.3% kepada RM24.80 juta.

4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan Wang Amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

Sebanyak 24 Akaun Amanah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri terdiri daripada 13 Akaun Amanah yang masih aktif, tujuh Akaun Amanah tidak bergerak dan empat Akaun Amanah baru diwujudkan iaitu Akaun Amanah Caruman Jalan; Akaun Amanah Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan; Akaun Amanah Projek/ICT dan Akaun Amanah Pembangunan Sukan Negeri. Pada tahun 2009, baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sejumlah RM18.48 juta atau 34.6% menjadi RM71.96 juta berbanding RM53.48 juta pada tahun 2008. Baki akhir tahun bagi enam Akaun Amanah mengalami peningkatan berjumlah RM18.73 juta manakala lima Akaun Amanah lain mengalami penurunan berjumlah RM0.22 juta adalah seperti di **Jadual 4.19**.

Jadual 4.19
Peningkatan / Penurunan Baki Akhir Tahun 2009 Akaun Amanah

Bil	Akaun Amanah	Peningkatan (RM Juta)	Bil	Akaun Amanah	Penurunan (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya	10.65	1.	Akaun Amanah Tabung Dana Sumbangan Pendidikan Negeri Perlis	0.08
2.	Akaun Amanah Bantuan Kewangan Kementerian Kewangan	6.95	2.	Akaun Amanah Dana Ternakan	0.06
3.	Akaun Amanah Bayaran Elaun Ketua Kampung	0.66	3.	Dana Khas Kementerian Kewangan 1	0.04
4.	Akaun Amanah Caruman Tangki Air	0.30	4.	Akaun Amanah Misi Pelaburan / Lawatan Dan Program Khas Lawatan Kerajaan Negeri	0.03
5.	Akaun Amanah Wang Gantian Rumah Kos Rendah	0.14	5.	Akaun Amanah Pampasan Kira-kira Waris	0.01
6.	Akaun Amanah Parit Dan Saliran	0.03			
Jumlah		18.73	Jumlah		0.22

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

a) Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya

Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya diwujudkan oleh Kerajaan Negeri mengikut Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 bagi membiayai penyelenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perlis. Pada tahun 2009, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pemberian penyelenggaraan jalan raya sejumlah RM21.45 juta di mana sejumlah RM10.80 juta atau 50.3% telah dibelanjakan. Jumlah penerimaan penyelenggaraan jalan raya pada tahun 2009 telah meningkat sejumlah RM1.84 juta atau 9.4% menjadi RM21.45 juta berbanding RM19.61 juta pada tahun 2008. Baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya pada tahun 2009 berjumlah RM43.04 juta berbanding RM32.39 juta pada tahun 2008. Kedudukan Akaun Amanah ini pada tahun 2008 dan 2009 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya
Pada Tahun 2008 Dan 2009

Butiran	Tahun		Peningkatan / (Penurunan)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	17.45	32.39	14.94	85.6
Penerimaan Daripada Kerajaan Persekutuan	19.61	21.45	1.84	9.4
Perbelanjaan	(4.67)	(10.80)	6.13	1.3
Lebihan/(Defisit)	14.94	10.65	(4.29)	(28.7)
Baki Pada 31 Disember	32.39	43.04	10.65	32.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

b) Akaun Amanah Bantuan Kewangan Kementerian Kewangan

Akaun Amanah Bantuan Kewangan Kementerian Kewangan diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan terimaan dan pengeluaran wang Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan program/aktiviti meningkatkan taraf kualiti hidup dan membasmi kemiskinan golongan sasar seperti penduduk miskin, ibu tunggal, warga tua, orang kurang upaya, usahawan dan peniaga kecil. Pada tahun 2009, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM10.33 juta di mana sejumlah RM3.38 juta telah dibelanjakan, menyebabkan baki akhir tahun meningkat RM6.95 juta menjadi RM12.75 juta berbanding RM5.80 juta pada tahun 2008.


c) Akaun Amanah Bayaran Elaun Ketua Kampung

Akaun Amanah Elaun Ketua Kampung diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan sumbangan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi membiayai pembayaran Elaun Ketua Kampung. Pada tahun 2009, Akaun Amanah ini merekodkan terimaan berjumlah RM3.10 juta dan perbelanjaan berjumlah RM2.44 juta. Baki Akaun Amanah ini pada tahun 2009 meningkat sejumlah RM0.66 juta menjadi RM0.87 juta berbanding RM0.21 juta pada tahun 2008.

4.6.3 Akaun Wang Deposit

Deposit adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Pada tahun 2009, baki Akaun Wang Deposit menurun sejumlah RM0.14 juta atau 0.4% menjadi RM35.64 juta berbanding RM35.78 juta pada tahun 2008. Penurunan deposit antaranya melibatkan pengeluaran wang dari Akaun Deposit Wang Jaminan berjumlah RM1.07 juta dan Deposit Pelarasan - Terimaan Yang Tidak Diperuntukan berjumlah RM0.14 juta. Kedudukan Akaun Deposit bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 4.4**.

Carta 4.4
Baki Akaun Wang Deposit Bagi Tempoh Tahun 2005 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Sebanyak lima Akaun Wang Deposit berjumlah RM0.06 juta adalah akaun yang tidak bergerak. Tindakan pewartaan mengikut Arahan Perbendaharaan 162 perlu dibuat sekiranya deposit tersebut tidak diperlukan lagi. Kedudukan Akaun Wang Deposit yang tidak bergerak sehingga 31 Disember 2009 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21
Kedudukan Akaun Wang Deposit Yang Tidak Bergerak Sehingga 31 Disember 2009

Bil.	Jabatan	Nama Akaun Wang Deposit	Jumlah (RM Juta)	Tahun Mulai Tidak Bergerak
1.	Pejabat Mahkamah Syariah	Akaun Deposit Bond Jamin Mahkamah Syariah	0.02	2009
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	Akaun Deposit Pajak Gadai	0.01	2005
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	Akaun Deposit Am Jabatan	0.01	2009
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	Akaun Deposit Am Jabatan	0.01	2004
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Akaun Deposit Wang Jaminan	0.01	2007
Jumlah			0.06	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penerimaan wang tunai terdiri daripada penerimaan hasil, penerimaan pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain. Pembayaran wang tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan modal, pengeluaran pinjaman dan bayaran lain. Wang tunai yang diterima pada tahun 2009 berjumlah RM162.48 juta, berkurangan sejumlah RM18.89 juta atau 10.4% berbanding RM181.37 juta pada tahun 2008. Pembayaran tunai pada tahun 2009 pula meningkat sejumlah RM8.54 juta atau 5.3% menjadi RM170.08 juta berbanding RM161.54 juta pada tahun 2008. Kedudukan penerimaan dan pembayaran wang tunai pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Kedudukan Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Pada Tahun 2008 Dan 2009

Butiran	Penerimaan/Pembayaran Wang Tunai		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Awal	11.69	31.52	19.83	169.6
Penerimaan	181.37	162.48	(18.89)	(10.4)
<i>Hasil</i>	77.44	95.94	18.50	23.9
<i>Pinjaman</i>	27.08	0.00	(27.08)	(100.0)
<i>Modal</i>	55.82	47.11	(8.71)	(15.6)
<i>Amanah</i>	21.03	19.43	(1.60)	(7.6)
Pembayaran	161.54	170.08	8.54	5.3
<i>Mengurus</i>	90.12	96.54	6.42	7.1
<i>Pembangunan</i>	51.34	60.54	9.20	17.9
<i>Modal</i>	0.00	6.00	6.00	-
<i>Pinjaman</i>	20.08	7.00	(13.08)	(65.1)
Jumlah	31.52	23.92	(7.60)	(24.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Baki Wang Tunai Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2009 berjumlah RM23.92 juta, berkurangan sejumlah RM7.60 juta atau 24.1% berbanding RM31.52 juta pada tahun 2008.

4.8 PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Imbangan.

4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 2009, baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat dengan ketara sejumlah RM46.53 juta atau 113.8% kepada RM87.42 juta berbanding RM40.89 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini disebabkan pinjaman oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) berjumlah RM48 juta serta bayaran balik pinjaman oleh Yayasan Islam Perlis (YIPs) berjumlah RM1.47 juta.

Analisis perbandingan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan peningkatan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2006, penurunan pada tahun 2007 dan meningkat kembali pada tahun 2008 dan 2009. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.23**. Baki tahun 2009 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

Jadual 4.23
Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Agensi	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	26.42	26.42	19.42	39.42	87.42
2.	Yayasan Islam Negeri Perlis	0.0	3.26	4.68	1.47	0.00
Jumlah		26.42	29.68	24.10	40.89	87.42

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Pada tahun 2009, Agensi Negeri sepatutnya membayar ansuran pinjaman kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM69.57 juta. Ia terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa berjumlah RM49.28 juta dan tunggakan berjumlah RM20.29 juta. Bagaimanapun, hanya YIPs yang membuat pembayaran balik kesemua pinjamannya yang berjumlah RM1.47 juta. PKENPs tidak membuat sebarang pembayaran balik anuiti tahun semasa menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjamannya meningkat kepada RM68.10 juta. Kedudukan ansuran pinjaman Agensi Negeri yang sepatutnya dijelaskan kepada Kerajaan Negeri berbanding dengan bayaran yang dibuat pada tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut Pada Tahun 2009

Bil.	Agensi	Tunggakan Pada 1.1.2009 (RM Juta)	Anuiti 2009 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Pada Tahun 2009 (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan Pada Tahun 2009 (RM Juta)	Tunggakan Pada Akhir Tahun 2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	19.61	48.49	68.10	0.00	68.10
2.	Yayasan Islam Perlis	0.68	0.79	1.47	1.47	0.00
Jumlah		20.29	49.28	69.57	1.47	68.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Analisis perbandingan antara jumlah baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 mendapati prestasi pembayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2009 oleh PKENPs adalah lemah. PKENPs tidak membuat sebarang pembayaran balik pinjamannya pada tahun 2009, mengakibatkan baki Pinjaman Boleh Dituntutnya meningkat sejumlah RM48 juta atau 121.8% menjadi RM87.42 juta, berbanding RM39.42 juta pada tahun 2008. Prestasi pembayaran balik pinjaman oleh Yayasan Islam Perlis adalah sangat baik kerana semua Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM1.47 juta telah dijelaskan sepenuhnya pada tahun 2009.

Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2009 meningkat dengan ketara sejumlah RM47.81 juta atau 235.6% menjadi RM68.10 juta berbanding RM20.29 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri Perlis mengambil alih pinjaman berjumlah RM41 juta yang diterima PKENPs daripada Kerajaan Persekutuan pada

tahun 1999 berserta dengan tunggakan faedah berjumlah RM6.81 juta dan diakaunkan pada tahun semasa.

Analisis perbandingan baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan peningkatan baki tunggakan bagi tahun 2005 hingga 2007, penurunan pada tahun 2008 dan meningkat kembali pada tahun 2009. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.25**. Tunggakan tahun 2009 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

Jadual 4.25
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Kepada Kerajaan Negeri
Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Agensi	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	18.35	19.27	18.94	19.61	68.10
2.	Yayasan Islam Negeri Perlis	0.00	0.00	4.68	0.68	0.00
Jumlah		18.35	19.27	23.62	20.29	68.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.8.2 Hutang Awam Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2009, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM78.84 juta atau 24.1% menjadi RM406.48 juta berbanding RM327.64 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini antaranya disebabkan penerimaan pinjaman berjumlah RM38.37 juta untuk pembiayaan projek Sektor Bekalan Air daripada Kerajaan Persekutuan dan pengambilalihan hutang PKENPs kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM41 juta yang diterima pada tahun 1999 serta diakaunkan pada tahun 2009. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2009 berbanding tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26
Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2009 Berbanding 2008

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun		Kenaikan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Bekalan Air	163.95	202.33	38.38	23.4
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	77.53	77.12	(0.41)	(0.5)
3.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	74.43	115.43	41.00	55.1
4.	Sektor Pelbagai	11.73	11.60	(0.13)	(1.1)
Jumlah		327.64	406.48	78.84	24.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis


Analisis perbandingan baki hutang awam bagi tahun 2005 hingga 2009 pula menunjukkan peningkatan baki hutang awam bagi setiap tahun. Kedudukan baki hutang awam bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.27** dan **Carta 4.5**. Baki tahun 2009 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

Jadual 4.27
Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Sektor Bekalan Air	65.50	77.21	101.69	163.95	202.33
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	77.92	77.86	77.68	77.53	77.12
3.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	44.11	44.11	47.43	74.43	115.43
4.	Sektor Pelbagai	11.89	11.89	11.73	11.73	11.60
Jumlah		199.42	211.07	238.53	327.64	406.48

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Carta 4.5
Kedudukan Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Tunggakan bayaran balik pinjaman termasuk jumlah pokok dan faedah Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2009 meningkat RM64.23 juta atau 79.3% kepada RM145.22 juta berbanding RM80.99 juta pada tahun 2008. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh pinjaman berjumlah RM41 juta yang diterima oleh PKENPs pada tahun 1999 berserta dengan tunggakan faedah berjumlah RM6.81 juta diakaunkan pada tahun 2009. Kerajaan Negeri hanya membuat pembayaran balik pinjaman berjumlah RM1.22 juta atau 0.8% berbanding RM146.44 juta jumlah yang sepatutnya dibayar.

Analisis perbandingan baki tunggakan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2005 hingga tahun 2009 pula menunjukkan peningkatan baki tunggakan pada setiap tahun. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam bagi tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28
Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Bagi Tahun 2005 Hingga 2009

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Sektor Bekalan Air	5.96	6.72	9.22	11.70	16.67
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	11.95	18.27	25.08	32.90	39.31
3.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	22.56	26.56	30.55	33.08	84.89
4.	Sektor Pelbagai	0.65	1.01	1.17	3.31	4.35
Jumlah		41.12	52.56	66.02	80.99	145.22

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

4.8.3 Tunggakan Hasil

Arahan Perbendaharaan 89A menghendaki Pegawai Pengawal menghantar suatu penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Bendahari Negeri dengan sesalinan kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Tunggakan hasil Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM0.64 juta atau 2.4% menjadi RM25.73 juta pada tahun 2009 berbanding RM26.37 juta pada tahun 2008. Tunggakan hasil Kerajaan Negeri mengikut Jabatan pada tahun 2009 berbanding 2008 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Mengikut Jabatan Pada Tahun 2009 Berbanding 2008


Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Tanah Dan Galian	10.79	9.89	(0.90)	(8.3)
2.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	7.14	7.87	0.73	10.2
3.	Pejabat SUK (Perumahan)	7.84	7.62	(0.22)	(2.8)
4.	Jabatan Pertanian	0.13	0.11	(0.02)	(15.4)
5.	Pejabat SUK (Unit Pentadbiran Daerah)	0.29	0.11	(0.18)	(62.1)
6.	Lain-lain Jabatan	0.18	0.13	(0.05)	(27.8)
		26.37	25.73	(0.64)	(2.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Peningkatan Pengurusan Akaun Hasil Negeri telah diadakan pada bulan Disember 2009. Mesyuarat membincangkan usaha yang diambil oleh Jabatan untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri dan mengurangkan tunggakan hasil. Jabatan Tanah Dan Galian diarah mengambil tindakan susulan terhadap pemilik tanah yang telah dikeluarkan Notis 6A iaitu Notis Tuntutan Tunggakan Cukai Tanah selain memberi rebat kepada pemilik tanah yang membuat pembayaran awal. Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) pula diarahkan untuk menghapus kira tunggakan air yang lama dengan menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri Perlis. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak membincangkan tunggakan hasil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Unit Perumahan Dan Kerajaan Tempatan) yang berjumlah RM7.62 juta.

Analisis perbandingan tunggakan hasil bagi tahun 2005 hingga 2009 menunjukkan peningkatan bagi tahun 2005 hingga 2007 manakala pada tahun 2008 dan 2009 tunggakan hasil telah menurun seperti di **Carta 4.6**.

Carta 4.6
Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2009



4.9 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.9.1 Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis adalah memuaskan. Aset Semasa Kerajaan Negeri yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan berjumlah RM33.92 juta adalah rendah dan tidak mampu untuk menampung kesemua tanggungan semasanya yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar, Deposit dan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam berjumlah RM188.99 juta. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah menambah pelaburan am dalam Simpanan Tetap menjadi RM10 juta berbanding RM4 juta pada tahun 2008. Kutipan hasil pada tahun 2009 telah mencatatkan peningkatan berjumlah RM18.50 juta atau 23.9% kepada RM95.94 juta manakala tunggakan hasil mengalami penurunan berjumlah RM0.64 juta atau 2.4% kepada RM25.73 juta. Kerajaan Negeri hendaklah berusaha mengutip tunggakan hasil tersebut terutamanya cukai tanah, bil air dan sewa rumah kos rendah selain tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Negeri berjumlah RM68.10 juta. Defisit dalam Akaun Hasil Disatukan menunjukkan penurunan sejumlah RM12.08 juta atau 95.3% menjadi RM0.60 juta pada tahun 2009 berbanding RM12.68 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam meningkat sejumlah RM64.23 juta atau 79.3% menjadi RM145.22 juta pada tahun 2009 berbanding RM80.99 juta pada tahun 2008.

4.9.2 Bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri hendaklah berusaha mengutip tunggakan hasil berjumlah RM25.73 juta dan mengambil tindakan lebih tegas menuntut tunggakan pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis yang berjumlah RM68.10 juta. Hutang Awam Kerajaan Negeri yang berjumlah RM406.48 juta hendaklah dibayar balik mengikut jumlah dan tempoh masa yang ditetapkan

bagi memastikan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM145.22 juta tidak terus meningkat. Selain itu, Kerajaan Negeri perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan sumbangannya kepada rakyat.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMKe-9)

5.1 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Perlis yang meliputi tempoh tahun 2006 hingga 2010 mewakili fasa pertama Visi Perlis Maju Tahun 2015, juga seiring dengan pelaksanaan RMKe-9 yang merangkumi fasa kedua Wawasan 2020. Mulai RMKe-9, Kerajaan telah memperkenalkan Misi Nasional dengan menggariskan lima teras utama yang mesti dilaksanakan iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'Minda Kelas Pertama', menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, menangani tahap dan kemapanan kualiti hidup serta mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

5.2 Tujuan utama dasar dan strategi RMKe-9 adalah untuk penjenamaan semula Perlis dengan beralih daripada ekonomi yang berasaskan pertanian tradisional kepada ekonomi industri asas tani ke arah meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar dan pendapatan per kapita. Di samping itu tumpuan juga akan diberi kepada sumber baru ekonomi lain yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan *output* dan memacu transformasi struktural dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di Negeri Perlis. Peranan sektor awam dalam menyediakan rangka dasar institusi yang kondusif dan perkhidmatan yang berkualiti sama ada di peringkat Jabatan Negeri mahupun Persekutuan akan terus diberikan penekanan. Pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi juga akan menjadi agenda utama pembangunan perkhidmatan awam negeri. RMKe-9 telah digubal bagi menjelaskan program dan projek yang diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Perlis.

5.3 Dalam proses mengesan dan mengawasi pelaksanaan projek, kemajuan pelaksanaan sesuatu projek boleh dikategorikan kepada beberapa takrif kedudukan projek tertentu seperti projek belum mula, projek lewat dilaksanakan, projek sakit, projek terbengkalai dan projek dilaksanakan tetapi tidak menepati sasaran. Projek belum mula merupakan projek diluluskan yang masih berada di peringkat perancangan awal dan belum dimulakan pelaksanaannya. Projek lewat dilaksanakan adalah projek yang mana kemajuan kerja sebenar adalah kurang 30% daripada jadual perancangan pelaksanaan. Projek sakit merupakan projek bermasalah yang tidak dapat/sukar diselesaikan atau projek yang mana kelewatan kerja sebenar adalah 30% atau lebih daripada jadual perancangan pelaksanaan sehingga memberi kesan terhadap pelaksanaan kerja seterusnya. Projek terbengkalai pula merupakan projek yang sepatutnya siap tetapi tidak disiapkan dan terbiar tanpa tindakan lanjut oleh pihak kontraktor untuk menyiapkannya dan diserahkan kepada agensi pengguna. Manakala projek dilaksanakan tetapi tidak menepati sasaran adalah projek yang siap

dilaksanakan tetapi tidak dapat memperoleh faedah yang dijangkakan atau memenuhi kehendak kumpulan sasaran dan mencapai objektif pelaksanaan projek yang ditetapkan.

5.4 Bagi menjayakan RMKe-9 Negeri Perlis, sejumlah RM1.67 bilion telah diluluskan bagi tempoh lima tahun untuk melaksanakan projek pembangunan. Peruntukan tahunan telah diagihkan kepada enam Jabatan. Pencapaian perbelanjaan RMKe-9 sehingga tahun 2009 berjumlah RM372.68 juta atau 22.4% daripada keseluruhan yang dirancang. Pencapaian rendah ini disebabkan penyediaan rancangan yang kurang teliti semasa membuat unjuran perbelanjaan bagi RMKe-9, terutamanya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) yang mencatatkan pencapaian perbelanjaan sebanyak 6.8% dan 9.8%. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-9 sehingga 31 Disember 2009 mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah Siling RMKe-9 Sehingga 31 Disember 2009

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan RMKe-9 Yang Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan RMKe-9 Sehingga Tahun 2009 (RM Juta)	Peratus Pencapaian Perbelanjaan (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	730.91	50.03	6.8
2.	Jabatan Kerja Raya	496.67	48.77	9.8
3.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	210.42	164.25	78.1
4.	Jabatan Pertanian	78.00	22.26	28.5
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	70.00	49.23	70.3
6.	Jabatan Perhutanan	42.90	18.41	42.9
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	36.53	19.73	54.0
Jumlah		1,665.43	372.68	22.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

5.5 Perbelanjaan RMKe-9 pada tahun 2009 menunjukkan pencapaian yang baik sehingga mencapai 82.8% daripada peruntukan yang dibenarkan seperti di **Jadual 5.2**.


Jadual 5.2
Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9 Pada Tahun 2009

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan RMKe-9 Yang Diluluskan Pada Tahun 2009 (RM Juta)	Perbelanjaan RMKe-9 Pada Tahun 2009 (RM Juta)	Peratus Pencapaian Perbelanjaan (%)
1.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	62.64	46.52	74.3
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	20.54	15.78	76.8
3.	Jabatan Kerja Raya	17.25	16.06	93.1
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	12.24	12.23	99.9
5.	Jabatan Pertanian	6.52	6.50	99.7
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.20	5.10	98.1
7.	Jabatan Perhutanan	4.97	4.87	98.0
Jumlah		129.36	107.06	82.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

5.6 Pada tahun 2009, sebanyak 283 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Status pencapaian pelaksanaan projek RMKe-9 pada tahun 2009 mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Status Pencapaian Pelaksanaan RMKe-9 Pada Tahun 2009



Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis*

5.7 Antara projek yang dinyatakan sebagai siap ialah projek yang menerima peruntukan tahunan dan berterusan setiap tahun serta dibelanjakan keseluruhannya. Projek yang sedang dilaksanakan termasuk di bawah peruntukan Kajian Pelan Induk, Pelan Struktur Dan Kajian Kemungkinan Projek Pembangunan dan di bawah peruntukan Pembangunan Infrastruktur Sukan Dan Riadah.

5.8 RUMUSAN

Secara amnya, pencapaian pelaksanaan RMKe-9 pada tahun 2009 adalah baik di mana sejumlah RM107.06 juta atau 82.8% daripada RM129.36 juta yang diperuntukkan telah dibelanjakan. Bagaimanapun, pencapaian keseluruhan pelaksanaan RMKe-9 sehingga tahun 2009 masih jauh dari sasaran. Hanya sejumlah RM372.68 juta atau 22.4% daripada keseluruhan siling peruntukan berjumlah RM1.67 bilion telah dibelanjakan. Peratusan perbelanjaan yang rendah disebabkan penyediaan rancangan yang kurang teliti semasa membuat unjuran perbelanjaan bagi RMKe-9. Usaha juga perlu digandakan bagi memastikan semua 108 projek yang masih belum dimulakan dilaksanakan dengan segera agar dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-9.



BAHAGIAN IV

PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN/AGENSI NEGERI

6. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI)

6.1 Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan (AP) telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2 Selaras dengan perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

6.3 Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan pencapaian pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

6.4 Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI)** mulai tahun 2007. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

6.5 Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi enam aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri kawalan tambahan yang teliti ialah pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap pencapaian pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

6.6 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

6.7 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

6.7.1 Pengauditan telah dijalankan di 12 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis, Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Bahagian Kewangan Dan Protokol), Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (Bahagian Bekalan Air), Jabatan Mufti Negeri Perlis, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Yayasan Islam Perlis, Majlis Sukan Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis.

6.7.2 Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap enam aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Perbendaharaan Negeri dan Agensi Negeri, kawalan tambahan telah diaudit iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

6.7.3 Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan pada tahun 2009 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2008 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2007 dan 2008 bagi menentukan kedudukan pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

6.8 JENIS KAWALAN

Pelaksanaan dan sistem penarafan bagi tujuh Jabatan Negeri dan lima Agensi Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pencapaian kewangan mengikut enam jenis kawalan seperti berikut:

6.8.1 Kawalan Pengurusan

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia adalah seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991;
- ii. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan;
- iii. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan; dan
- iv. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

b) Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan;
- ii. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan; dan
- iii. Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam enam bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

c) Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan telah juga mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

i. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi-agensi Kerajaan. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap tiga bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

ii. Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 yang juga diguna pakai oleh Kerajaan Negeri menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan

pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan dan mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam yang diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia seawat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia seawat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

d) Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surcaj terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

6.8.2 Kawalan Bajet

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

a) Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan dikeluarkan pada bulan April 2008 melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2008 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2009 - 2010). **Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan.** Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran yang disediakan; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia/Pegawai Kewangan Negeri.

b) Pengagihan Peruntukan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2007 antara lainya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

c) Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan/Bendahari Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

d) Pemantauan Pencapaian Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

e) Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri/ Bendahari Negeri/Akauntan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri/ Bendahari Negeri/Akauntan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

6.8.3 Kawalan Terimaan

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap lima aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke dalam bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

a) Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

b) Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap empat aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

c) Kemasukan Pungutan Ke Dalam Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke dalam bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke dalam bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke dalam bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke dalam bank.

d) Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

e) Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata ABT yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

6.8.4 Kawalan Perbelanjaan

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap tiga aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

a) Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

b) Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

c) Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta panjar wang runcit.

6.8.5 Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan seperti berikut:

a) Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

b) Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeling/Surat Pekeling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- i. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993;
- ii. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992;
- iii. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993; dan
- iv. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1990.

c) Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

6.8.6 Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

a) Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

b) Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Antara lainnya, tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum pengesahan penerimaannya. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen

penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraannya.

c) Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

d) Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab;
- ii. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya dua Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan;
- iii. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api;
- iv. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan;
- v. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan; dan
- vi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

e) Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 adalah berkaitan; dan
- ii. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

f) Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi dua tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai;
- ii. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh dua pegawai yang mempunyai tiga tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan; dan
- iii. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

g) Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- i. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan Laporan Polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan

- Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh dua hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara; dan
- ii. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh dua minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh dua bulan dari tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh empat bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

6.8.7 Pengurusan Pelaburan

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi Negeri. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

6.8.8 Pengurusan Pinjaman

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.


6.8.9 Penyata Kewangan

Kerajaan Negeri Perlis telah mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada atau sebelum 30 April setiap tahun. Ini membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

6.9 TAHAP PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati pencapaian pengurusan kewangan di Jabatan Mufti, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kewangan Dan Protokol), Jabatan Tanah Dan Galian, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kerja Raya (Bahagian Bekalan Air), dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis adalah pada tahap **baik** manakala Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis, Majlis Sukan Negeri Perlis, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis dan Yayasan Islam Perlis adalah pada tahap **memuaskan**. Tahap pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 6.1**.

Carta 6.1
Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
Jabatan/Agensi Negeri Pada Tahun 2009




Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Analisis terhadap pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri mendapati kesemua tujuh Jabatan dan satu Agensi Negeri atau 66.7% daripada 12 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada tahun 2009 telah mencapai tahap baik berbanding hanya 5 Jabatan atau 55.6% daripada 9 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit pada tahun 2008. Pengauditan yang dijalankan di bawah kategori wajib setiap tahun juga mendapati pencapaian pengurusan kewangan Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis telah menunjukkan peningkatan berbanding pencapaian pada tahun 2008. Bagaimanapun pencapaian pengurusan kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis menurun sedikit berbanding pencapaian pada tahun 2008. Namun penarafan pencapaian pengurusan kewangannya masih lagi di tahap memuaskan. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri gagal mengambil tindakan pembetulan sewajarnya

terhadap perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit sebelum ini. Perbandingan tahap pencapaian indeks akauntabiliti pengurusan kewangan bagi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Carta 6.2**.

Carta 6.2
Perbandingan Tahap Pencapaian Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Pejabat
Perbendaharaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis Dan
Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis
Bagi Tempoh Tahun 2007 Hingga 2009



Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

6.10 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi pencapaian pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara berikut:

- a) Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam untuk mematuhi kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 yang menetapkan pelbagai perkara yang perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini;

- b)** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa pusat tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal patut mengarahkan Unit Audit Dalamnya menjalankan pengauditan di semua PTJ lain secara berkala untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di pejabat berkenaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam (UAD) bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan;
- c)** Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Unit Audit Dalam mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya;
- d)** Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut;
- e)** Tindakan surcaj hendaklah dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil atau membuat bayaran yang tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang cuai mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka;
- f)** Pegawai Pengawal perlu memastikan setiap pegawai di bawah jagaannya mempunyai fail meja yang lengkap dan kemas kini. Penyediaan fail meja adalah perlu bagi membolehkan pegawai memahami dengan jelas tugas dan hubungannya dengan pegawai lain;
- g)** Pegawai Pengawal perlu menjalankan pemeriksaan mengejut secara berkala seperti yang ditetapkan oleh AP 309;
- h)** Pegawai Pengawal perlu memastikan pegawai Jabatan/Agensi Negeri diberi latihan yang berterusan dalam bidang tugasnya. Latihan yang diberikan akan dapat membantu pegawai melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan berkesan; dan
- i)** Setiap aset Jabatan/Agensi Negeri perlu disenggara mengikut kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Penyelenggaraan rekod aset adalah penting bagi memastikan pengurusan aset Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan secara cekap.



BAHAGIAN V

**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI**

7. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri seperti Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang *material* serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan.

7.1 PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

7.1.1 Pada tahun 2009, Penyata Kewangan bagi satu Badan Berkanun Negeri, dua Kumpulan Wang dan satu Majlis Agama Islam telah diaudit sendiri oleh Jabatan Audit Negara, manakala tiga Penyata Kewangan bagi Badan Berkanun Negeri dan satu Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh Firma Audit Swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Pelantikan Firma Audit Swasta berasaskan kepada peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik pihak yang berkebolehan menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

7.1.2 Bagi memastikan Firma Audit Swasta (FAS) menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, FAS dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan FAS mempunyai skop dan pendekatan Audit yang menyeluruh dan mencukupi untuk menjalankan pengauditan. Di akhir pengauditan, FAS dikehendaki mengemukakan penemuan Audit berserta fail kertas kerja, senarai terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kertas kerja akan disemak bagi memastikan perkara yang dibangkitkan mempunyai bukti audit yang mencukupi dan memuaskan. Prestasi FAS akan dinilai dan diambil kira semasa membuat keputusan untuk ditawarkan bagi kerja pengauditan penyata kewangan seterusnya.

7.2 KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

7.2.1 Semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Sehingga 31 Mei 2010, semua Agensi Negeri telah memberikan komitmen yang baik dengan mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2008 kepada Ketua Audit Negara untuk tujuan pengauditan, kecuali Perbadanan Menteri Besar yang masih belum diterima. Semua Penyata Kewangan

Kewangan Tahun 2008 tersebut, kecuali Yayasan Islam Perlis, telah diaudit dan dikeluarkan Sijil Audit. Bagi Penyata Kewangan Tahun 2009 pula, empat Agensi Negeri masih belum mengemukakannya untuk diaudit. Kedudukan penyerahan dan pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dan Kumpulan Wang sehingga 31 Mei 2010 adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan
Penyata Kewangan Agensi Negeri Dan Kumpulan Wang Sehingga 31 Mei 2010

Bil.	Nama Agensi	Penyata Kewangan Telah Disahkan (Tahun)	Penyata Kewangan Sedang Diaudit (Tahun)	Penyata Kewangan Belum Diserahkan (Tahun)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2008	-	2009
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	-	2009	-
3.	Yayasan Islam Perlis	-	2008	2009
4.	Majlis Sukan Negeri Perlis	2008	-	2009
5.	Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2008	2009	-
6.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2008	2009	-
7.	Menteri Besar Diperbadankan	-	-	2008 2009
8.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2008	2009	-
9.	Majlis Perbandaran Kangar	2008	2009	-

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

7.2.2 Pada bulan Januari 2009, Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah dikeluarkan, meminta semua Agensi Negeri membentangkan Penyata Kewangan yang telah diaudit dalam Dewan Undangan Negeri pada tahun berikutnya. Bagi memastikan ia terlaksana, Penyata Kewangan hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara sebelum 30 April tahun berikutnya.

7.3 PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

7.3.1 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri dibuat oleh Jabatan Audit Negara bagi memberi pendapat sama ada ia telah disediakan dengan benar dan saksama. Semua rekod perakaunan yang berkaitan telah diperiksa bagi memastikan ia telah diselenggarakan dengan baik dan kemas kini. Pendapat Audit yang dikeluarkan telah dizahirkan melalui sijil Ketua Audit Negara. Selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan, sijil tersebut dibahagikan kepada empat jenis seperti berikut:

- a) Sijil Tanpa Teguran (*Unqualified*) dikeluarkan apabila Penyata Kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama;
- b) Sijil Berteguran (*Qualified*) dikeluarkan apabila kesan sebarang perbezaan pendapat dengan pengurusan atau kekangan terhadap skop adalah tidak begitu penting dan menyeluruh untuk mengeluarkan Sijil Bertentangan atau Sijil Penafian;

- c) Sijil Bertentangan (*Adverse*) dikeluarkan apabila kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh terhadap Penyata Kewangan dan mewujudkan kekeliruan ataupun ke tidak sempurnanya Penyata Kewangan; dan
- d) Sijil Penafian (*Disclaimer*) dikeluarkan apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan terhadap skop adalah material dan menyeluruh menyebabkan bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan.

7.3.2 Setakat bulan Mei 2010, sebanyak 11 Penyata Kewangan Agensi Negeri telah dikeluarkan sijil Ketua Audit Negara melibatkan tujuh Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, dua Penyata Kewangan Kumpulan Wang, satu Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan satu Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak lima sijil Ketua Audit Negara berbentuk Sijil Tanpa Teguran dan enam berbentuk Sijil Berteguran telah dikeluarkan. Maklumat lengkap mengenai sijil yang dikeluarkan kepada Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 7.2**.

Jadual 7.2
Jenis Sijil Ketua Audit Negara Yang Dikeluarkan Sehingga 31 Mei 2010

Bil.	Agensi / Kumpulan Wang	Tahun Akaun	Jenis Sijil
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2007 2008	Berteguran
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2008	Tanpa Teguran
3.	Yayasan Islam Perlis	2007	Berteguran
4.	Majlis Sukan Negeri Perlis	2006 2007 2008	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2008	Berteguran
6.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2008	Berteguran
7.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2008	Berteguran
8.	Majlis Perbandaran Kangar	2008	Tanpa Teguran

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

7.3.3 Antara isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara bagi pengeluaran Sijil Berteguran adalah seperti berikut:

- a) Penyata Kewangan yang disediakan tidak disatukan dengan Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu;
- b) Peruntukan Rosot Nilai tidak disediakan bagi pelaburan saham siar harga dan saham amanah yang mengalami penurunan harga;
- c) Baki Penghutang Perdagangan berbeza dengan Lejar Penghutang Perdagangan;
- d) Baki wang tunai di empat buah bank tidak didedahkan dalam Penyata Kewangan;
- e) Cek-cek Dan Wang Tunai Yang Belum Diakui Terima Oleh Bank tidak disediakan senarai terperinci;
- f) Pelaburan tidak mempunyai dokumen hakmilik; dan
- g) Baki di Penyata Penyesuaian Bank berbeza dengan baki di Penyata Kewangan.

7.4 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan supaya Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga bulan Mei 2010, semua lima Agensi Negeri dan dua Kumpulan Wang telah membentangkan penyata kewangan yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri. Kedudukan pembentangan Penyata Kewangan yang telah dikeluarkan sijil Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri adalah seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Yang Telah Dikeluarkan
Sijil Ketua Audit Negara Di Dewan Undangan Negeri Sehingga 31 Mei 2010

Bil.	Agensi / Kumpulan Wang	Tahun Akaun	Tarikh Pembentangan Di Dewan Undangan Negeri
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	2007 2008	13.04.2009 15.12.2009
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2008	15.12.2009
3.	Yayasan Islam Perlis	2002 - 2007	13.04.2009
4.	Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	2008	15.12.2009
5.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	2008	15.12.2009
6.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	2005 - 2007 2008	13.04.2009 15.12.2009
7.	Majlis Perbandaran Kangar	2002 - 2007 2008	13.04.2009 15.12.2009

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

7.5 PRESTASI KEWANGAN

7.5.1 Berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2008, semua Agensi Negeri termasuk dua Kumpulan Wang mencatatkan surplus dalam Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan, kecuali Majlis Perbandaran Kangar yang mengalami defisit berjumlah RM2.12 juta. Kedudukan kewangan Agensi Negeri pada tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan
Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2008

Bil.	Agensi / Kumpulan Wang	Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Sehingga 31.12.2008			Kunci Kira-kira Pada 31.12.2008		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Tanggung Semasa (RM Juta)	Harta Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	13.66	9.26	4.40	70.29	167.26	(96.97)
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	2.27	2.09	0.18	0.51	0.57	(0.06)
3.	Yayasan Islam Perlis	11.48	4.92	6.56	7.95	6.11	1.84
4.	Majlis Sukan Negeri Perlis	0.31	0.24	0.07	0.23	0.07	0.16
5.	Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	0.31	0.02	0.29	5.09	0.00	5.09
6.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	0.03	0.00	0.03	0.53	0.00	0.53
7.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis	23.63	15.96	7.67	19.95	0.67	19.28
8.	Majlis Perbandaran Kangar	16.40	18.52	(2.12)	21.17	9.77	11.40

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2008

7.5.2 Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Majlis) bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 mencatatkan surplus berjumlah RM7.67 juta. Surplus yang dicatatkan oleh Majlis meningkat RM1.29 juta atau 20.2% berbanding RM6.38 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini disebabkan Majlis mencatatkan tambahan terimaan zakat berjumlah RM5.79 juta atau 33.5% menjadi RM23.06 juta berbanding RM17.27 juta pada tahun 2007. Agihan zakat adalah pada kadar 67.8% daripada jumlah zakat yang diterima berbanding 65.3% pada tahun 2007. Bagi Yayasan Islam Perlis (Yayasan), surplus Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan berjumlah RM6.56 juta merupakan kenaikan berjumlah RM9.49 juta atau 323.9% berbanding defisit RM2.93 juta pada tahun 2007. Ia merupakan surplus yang pertama direkodkan setelah mengalami defisit sejak tahun 1998. Pendapatan tahun 2008 berjumlah RM11.48 juta berbanding RM3.82 juta pada tahun 2007. Peningkatan dalam jumlah pendapatan ini disebabkan Yayasan menerima sumbangan sejumlah RM10 juta daripada syarikat subsidiarinya.

7.5.3 Majlis Perbandaran Kangar mencatat defisit Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan tahun 2008 berjumlah RM2.12 juta berbanding surplus berjumlah RM5.54 juta pada tahun 2007. Defisit ini berlaku antaranya disebabkan oleh pengurangan terimaan Bantuan Tahunan Kerajaan Persekutuan serta kenaikan dalam bayaran Emolumen dan Utiliti. Bantuan Tahunan Kerajaan Persekutuan yang diterima pada tahun 2008 berjumlah

RM2.01 juta berbanding RM4.11 juta pada tahun 2007 manakala perbelanjaan Emolumen dan Utiliti pada tahun 2008 berjumlah RM8.42 juta berbanding RM4.29 juta pada tahun 2007.

7.5.4 Harta Bersih Semasa ialah perbandingan antara Aset Semasa dan Tanggungan Semasa. Ia mengukur keupayaan Agensi membuat penjelasan terhadap tanggungan semasa dalam jangka masa yang singkat. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Majlis Perbandaran Kangar dan Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis mencatatkan lebih dalam Harta Bersih Semasa yang tertinggi iaitu berjumlah RM19.28 juta, RM11.40 juta dan RM5.09 juta. Bagaimanapun, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis mencatatkan kurangan dalam Harta Bersih Semasa berjumlah RM96.97 juta dan RM0.06 juta. Perbadanan mencatatkan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM157.20 juta. Yayasan pula berjaya meningkatkan jumlah Harta Bersih Semasanya sejumlah RM8.32 juta atau 128.6% menjadi RM1.84 juta berbanding kurangan RM6.47 juta pada tahun 2007. Peningkatan mendadak ini disebabkan Yayasan membuat bayaran balik pinjaman dan hutangnya yang berjumlah RM6.15 juta pada tahun semasa.

7.5.5 Tunggakan Cukai Taksiran dan Cukai Perkhidmatan Majlis Perbandaran Kangar telah menurun sejumlah RM2.69 juta atau 16.4% menjadi RM13.68 juta pada tahun 2009 berbanding RM16.37 juta pada tahun 2008. Majlis telah berusaha untuk mengurangkan tunggakan tersebut dengan mengambil tindakan undang-undang dan menghantar notis saman. Kerja sama dengan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Perlis juga dibuat dengan mengkaveat pegangan yang terlibat. Usaha ini perlu terus digiatkan bagi mengurangkan jumlah tunggakan cukai taksiran.

7.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pencapaian penyerahan Penyata Kewangan tahun 2009 oleh Agensi Negeri kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit adalah tidak memuaskan kerana enam daripada sembilan Agensi Negeri masih belum berbuat demikian. Agensi Negeri yang berjaya mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2009 kepada Jabatan Audit Negara sebelum 30 April 2010 ialah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis dan Majlis Perbandaran Kangar. Semua Agensi Negeri telah membentangkan Penyata Kewangan yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri seperti dikehendaki.

Prestasi kewangan Agensi Negeri pada tahun 2008 adalah memuaskan. Semua Agensi Negeri mencatatkan surplus dalam Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan tahun 2008, kecuali Majlis Perbandaran Kangar yang mencatatkan defisit berjumlah RM2.12 juta. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis didapati tidak mampu untuk menjelaskan Tanggungan Semasanya kerana mencatatkan kurangan dalam Harta Bersih Semasa berjumlah RM96.97 juta. Tunggakan bayaran balik pinjaman sahaja berjumlah

RM157.20 juta. Bagi meningkatkan pengurusan dan prestasi kewangan Agensi Negeri, berikut adalah syor Audit untuk pertimbangan:

- a) Agensi Negeri hendaklah menyerahkan Penyata Kewangan kepada Jabatan Audit Negara untuk diaudit sebelum 30 April tahun berikutnya dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri setelah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara.
- b) Agensi Negeri yang menerima Sijil Berteguran perlu mengambil tindakan untuk memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.
- c) Penyata Kewangan hendaklah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang ditetapkan bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Agensi.
- d) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis hendaklah berusaha meningkatkan prestasi kewangannya dengan mempelbagaikan aktiviti ekonominya bagi membolehkan ia melunaskan tunggakan bayaran balik pinjaman.
- e) Majlis Perbandaran Kangar hendaklah mengambil tindakan proaktif untuk memungut hasil dan menimbang langkah yang berkesan bagi mengurangkan tunggakan cukai taksiran.



BAHAGIAN VI

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN VI PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

8. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Menurut Seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan 1957, Penyata Kewangan hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri seberapa segera yang boleh selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan pula menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Akaun Agensi Kerajaan Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 15 Disember 2009.

9. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2009, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak enam kali. Hasil daripada mesyuarat yang dijalankan, Jawatankuasa telah membentangkan Penyata Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 di Dewan Undangan Negeri pada 23 Julai 2009. Penyata Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007 pula telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 15 Disember 2009. Sehingga 31 Mei 2010, Jawatankuasa telah bermesyuarat sekali dan membincangkan masalah yang dihadapi oleh syarikat subsidiari Agensi Negeri. Selain membincangkan isu yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara, Jawatankuasa juga telah memanggil Ketua Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Kerajaan untuk memberikan taklimat terhadap program dan aktiviti utama Jabatan/Agensi Negeri/ Syarikat berkenaan. Lawatan ke tapak projek juga turut menjadi amalan Jawatankuasa bagi mengenal pasti permasalahan yang wujud. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk menegakkan Akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, mengkaji kes yang belum selesai dan memastikan syor daripada Jawatankuasa diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi Negeri/ Syarikat Kerajaan Negeri.



PENUTUP

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali ketiga pada tahun 2009 telah menunjukkan pencapaian pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang bertambah baik, namun masih berlaku beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Kelemahan dalam pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam Laporan ini khususnya bagi agensi negeri menggambarkan tahap akauntabiliti pengurusan wang awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada penjawat awam. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mematuhi standard perakaunan dan prosedur kewangan, menyelia kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan, menyediakan prosedur kerja yang lengkap dan mengadakan program latihan/kursus yang berterusan kepada penjawat awam yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan persampelan dan skop tertentu, Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya

22 Jun 2010



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2009; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
22 Jun 2010




Lembaran Iimbangan

seperti pada 31 Disember 2009

Penyata	Nota	2009 RM	2008 RM
WANG AWAM			
A	WANGTUNAI	23,924,984.10	31,519,347.87
B	PELABURAN	10,000,000.00	4,000,000.00
		<hr/>	<hr/>
		33,924,984.10	35,519,347.87
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	(134,357,202.62)	(133,756,149.81)
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	0.00	7,000,000.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	168,282,186.72	162,275,497.68
		<hr/>	<hr/>
		33,924,984.10	35,519,347.87

Lembaran Iimbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan


 DATO' HJ. MUSA B. HJ. HASSAN
 PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
 PERLIS

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI



 ROHANI BT. CHE MIE
 BENDAHARI NEGERI
 PERLIS

BENDAHARI NEGERI

**Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember 2009**

Penyata	Nota	2009	2008
F ASET			
I Pinjaman Boleh Tuntut		87,423,688.14	40,889,488.14
II Tunggakan Hasil		25,732,933.84	26,368,239.88
G TANGGUNGAN			
I Hutang Awam		406,484,248.52	327,642,201.08

Penyata akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.



DATO' H.J. MUSA B. H.J. HASSAN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PERLIS

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI



ROHANI BT. CHE MIE
BENDAHARI NEGERI
PERLIS

BENDAHARI NEGERI/AKAUNTAN NEGERI

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai seperti pada 31 Disember 2009

TERIMAAN			
Hasil	Penyata C	(RM)	(RM)
Hasil Cukai		12,050,589.27	
Hasil Bukan Cukai		39,086,133.84	
Terimaan Bukan Cukai		44,801,107.54	95,937,830.65
Pinjaman			
	Penyata D		
Pinjaman Dalam Negeri		0.00	0.00
Pinjaman Luar Negeri			
Terimaan Modal			
	Penyata E1a		
Terimaan Balik Pinjaman		8,359,693.61	
Jualan Aset Modal		0.00	
Pelbagai Terimaan Modal		38,758,034.00	47,117,727.61
Lain-Lain Terimaan			
	Penyata E		
Terimaan Amanah		19,432,461.80	19,432,461.80
Jumlah Terimaan			162,488,020.06
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus			
	Penyata C		
Emolumen		(31,035,411.92)	
Perkhidmatan Dan Bekalan		(35,260,185.71)	
Aset		(3,632,231.35)	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap		(26,188,673.13)	
Perbelanjaan Lain		(422,381.35)	(96,538,883.46)
Perbelanjaan Pembangunan			
	Penyata E1a		
Langsung		(60,543,500.37)	
Pinjaman		0.00	(60,543,500.37)
Perbelanjaan Modal			
	Penyata B		
Pembelian Instrumen Kewangan		(6,000,000.00)	(6,000,000.00)
Bayaran Balik Pinjaman			
	Penyata D		
Pinjaman Dalam Negeri		(7,000,000.00)	(7,000,000.00)
Pinjaman Luar Negeri			
Lain-Lain Bayaran			
	Penyata E		
Bayaran Amanah		0.00	0.00
Jumlah Bayaran			(170,082,383.83)
Tambah / (Kurangan) Wangtunai			(7,594,363.77)
Wangtunai pada 01 Januari 2009	Penyata A		31,519,347.87
JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER 2009			23,924,984.10

Penyata Akaun Hasil Disatukan
seperti tahun berakhir 31 Disember 2009

C

Perihal	2009			2008	
	Belanjawan	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan
BAKI PADA 1 JANUARI		(133,756,149.81)		(121,074,393.59)	
I HASIL					
Hasil Cukai	10,740,000.00	12,050,589.27	112.20	11,602,938.37	113.28
Hasil Bukan Cukai	28,394,780.00	39,086,133.84	137.65	30,762,206.81	115.91
Terimaan Bukan Hasil	22,865,220.00	44,801,107.54	195.94	35,079,490.89	120.51
Jumlah Hasil	62,000,000.00	95,937,830.65	154.74	77,444,636.07	117.53
II PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	32,825,686.00	31,035,411.92	94.55	27,932,323.04	91.43
Perkhidmatan Dan Bekalan	38,769,859.89	35,260,185.71	90.95	34,370,107.33	95.58
Aset	3,696,540.00	3,632,231.35	98.26	2,080,357.73	95.66
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	66,892,425.00	26,188,673.13	39.15	25,407,596.59	37.44
Perbelanjaan Lain	435,000.00	422,381.35	97.10	336,007.60	97.39
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	142,619,510.89	96,538,883.46	67.69	90,126,392.29	65.83
Lebihan /(Defisit) Bagi Tahun (I - II)	(80,619,510.89)	(601,052.81)		(12,681,756.22)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(134,357,202.62)		(133,756,149.81)	

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

NOTA KEPADA AKAUN AWAM

Bagi Tahun Berakhir 31hb. Disember 2009

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI YANG PENTING

1. Dasar Perakaunan

Dasar Perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang, aturan dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.

2. Asas Perakaunan

Akaun Awam disediakan berasaskan tunai ubahsuai.

3. Kaedah Perakaunan

Kaedah Perakaunan adalah berdasarkan kepada konsep Kumpulan Wang Disatukan seperti terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

- a) Fasal 97 memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali zakat, fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
- b) Fasal 104 memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan untuk perbelanjaan tanggungan tertentu, diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri.

4. Pembentangan Akaun Awam

Penyata-penyata Akaun Awam yang disediakan adalah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak - 1972) adalah seperti berikut:

- a) Akaun Hasil Disatukan
- b) Akaun Pinjaman Disatukan
- c) Akaun Amanah Disatukan
- d) Akaun Memorandum yang terdiri daripada penyata aset dan tanggungan.

5. Entiti Perakaunan

Entiti Perakaunan adalah terdiri daripada semua Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.

NOTA KEPADA AKAUN AWAM

Bagi Tahun Berakhir 31hb. Disember 2009

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

6. Tahun Kewangan

Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Seksyen 3 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak – 1972) adalah suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

7. Tanggungan Luar Jangka

Tanggungan luar jangka adalah tanggungan mungkin benar yang berkemungkinan menjadi tanggungan sebenar sekiranya berlaku peristiwa tertentu. Tanggungan luarjangka berkaitan dengan kerugian mungkin benar akibat dari tuntutan dan taksiran mahkamah yang sedang atau dijangka diambil terhadap pecah kontrak, kerugian atas orang atau harta dan yang seumpamanya tidak ditunjukkan dalam Akaun Awam.

LEMBARAN IMBANGAN

8. Wang Tunai - Penyata A

- a) Wang Tunai adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank.
- b) Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki Buku Tunai setelah membuat pelarasan perbezaan baki antara Buku Tunai dan bank seperti dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank.

9. Pelaburan - Penyata B

Pelaburan yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

10. Akaun Hasil Disatukan - Penyata C

a) Akaun Hasil - Penyata C1

Kutipan hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

b) Perbelanjaan Mengurus - C2

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti berikut:

NOTA KEPADA AKAUN AWAM

Bagi Tahun Berakhir 31hb. Disember 2009

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

- i) Emolumen, barang-barang dan perkhidmatan.
- ii) Pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.
- iii) Peruntukan kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian, pinjaman dan pelaburan.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri.

11. Akaun Pinjaman Disatukan - Penyata D

Pinjaman yang diterima di bawah kuasa undang-undang Persekutuan dan pembayarannya diakaunkan di dalam Akaun Pinjaman Disatukan. Terimaan pinjaman akan dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan kumpulan wang yang lain yang dibenarkan oleh Dewan Undangan Negeri bergantung kepada tujuan pinjaman tersebut.

12. Akaun Amanah Disatukan - Penyata E

a) Kumpulan Wang Pembangunan - Penyata E1a

Terimaan kumpulan wang ini terdiri kebanyakannya daripada pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, terimaan balik daripada Kumpulan Wang Persekutuan (Ganti Balik), bayaran ansuran Perumahan Awam, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dan Pemberian Pertambahan Hasil.

b) Kumpulan Wang Bekalan Air - Penyata E1b

Kumpulan Wang Bekalan Air diwujudkan oleh Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air di bawah Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis. Terimaan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan daripada Akaun Pinjaman.

Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air.

NOTA KEPADA AKAUN AWAM

Bagi Tahun Berakhir 31hb. Disember 2009

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

- c) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan - Penyata E1c**
Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak - 1972) bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian dari kumpulan wang ini bercorak kumpulan wang pusingan. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada peruntukan Kerajaan.
- d) Kumpulan Wang Amanah Awam - Penyata E2**
Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957 (Disemak - 1972), terdiri dari kumpulan wang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.
- e) Deposit - Penyata E3**
Akaun wang deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai serta diselesaikan.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANGTUNAI

13. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan terimaan-terimaan lain. Bayaran wang tunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan bayaran-bayaran lain.

AKAUN MEMORANDUM

14. Aset - Penyata F

Perolehan aset yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan pembangunan mengikut asas tunai, seperti pinjaman boleh tuntutan tidak dilaporkan sebagai aset dalam Lembaran Imbangan. Oleh itu, nilai aset ini dilaporkan dalam Akaun Memorandum.

NOTA KEPADA AKAUN AWAM

Bagi Tahun Berakhir 31hb. Disember 2009

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu dibaca bersama dengannya)

a) Pinjaman Boleh Tuntut - Penyata F1

Pinjaman Boleh Tuntut adalah baki pinjaman yang diberi kepada Badan Berkanun Negeri yang masih belum dibayar balik kepada Kerajaan Negeri dan boleh dituntut pembayarannya daripada peminjam.

b) Tunggakan Hasil - Penyata F2

Jumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan Negeri berasaskan kepada bil, invois, pentaksiran atau melalui dasar-dasar dan keputusan-keputusan Kerajaan yang berkuatkuasa tetapi belum diterima dalam sesuatu tempoh perakaunan

15. Tanggungan - Penyata G

Tanggungan merupakan tuntutan kewangan atas Kerajaan Negeri yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan. Kedudukan hutang awam seperti yang dilaporkan dalam penyata ini adalah merupakan baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.